

# Jumlah Chikungunya menurun 119 kes

**P**UTRAJAYA: Jumlah jangkitan demam Chikungunya sepanjang minggu lalu (14 hingga 20 Disember) menurun kepada 119 kes berbanding 158 kes minggu sebelumnya dengan jumlah keseluruhannya adalah 3,984 kes serta tiada kematian dicatatkan setakat ini.

Pengarah Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Hasan Abdul Rahman, berkata sebanyak 91 kawasan dilaporkan mencatatkan

kes Chikungunya sepanjang tempoh itu iaitu 35 kes di Kedah, Kelantan (21), Johor (21), Selangor (20), Perak (10), Pahang (empat), Negeri Sembilan (tiga), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (dua), Perlis (dua)

## FAKTA NOMBOR

**3,984**  
**kes**

Jumlah keseluruhan jangkitan Chikungunya hingga 20 Disember

dan satu kes dikesan di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Daripada jumlah itu, 79 peratus pesakit disahkan menghidap demam Chikungunya melalui ujian serologi dengan majoriti mereka dirawat sebagai pesakit luar (77 peratus) manakala 23 peratus atau 933 kes memerlukan rawatan lanjut di hospital, katanya.

"Pemeriksaan yang dijalankan mendapati, kawasan yang mempunyai kadar pembiakan nyamuk Aedes

yang tinggi iaitu melebihi satu peratus menyumbang kepada penularan Chikungunya.

"Tempat biasa yang ditemui adalah dalam pasu bunga, alas pasu bunga, tong dram dan tin kosong," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Hasan berkata, pada tempoh sama sebanyak 3,312 rumah terbabit dalam semburan kabus, manakala 16 gotong royong dijalankan dengan kerjasama penduduk.